

**BULETIN KURSUS BIMBINGAN PENULISAN JAWI
ANJURAN BAHAGIAN WARISAN TIDAK KETARA,
JABATAN WARISAN NEGARA**

Pada 13 - 14 Julai 2021, Bahagian Warisan Tidak Ketara, Jabatan Warisan Negara melalui Cawangan Bahasa dan Persuratan telah menganjurkan Kursus Bimbingan Penulisan Jawi. Kursus tersebut merupakan salah satu program pembelajaran dan latihan dalaman di bawah Pelan Operasi Latihan (POL) yang menyasarkan penyertaan khusus untuk kakitangan Jabatan Warisan Negara bagi tahun 2021.

Objektif utama Kursus Bimbingan Penulisan Jawi yang telah berlangsung selama dua (2) hari tersebut adalah untuk melestarikan tulisan Jawi yang diisytiharkan sebagai Warisan Kebangsaan pada tahun 2009 melalui Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645). Selain itu, penganjuran kursus ini juga penting kepada kakitangan Jabatan Warisan Negara untuk memberikan pendedahan terhadap perkembangan sistem ejaan dan tulisan Jawi mengikut piawaian yang ditetapkan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

Kursus yang dilaksanakan secara dalam talian dengan menggunakan platform *Google Meet* ini telah disertai seramai 60 orang peserta daripada Kumpulan Pengurusan Tertinggi, Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Sokongan dan Pelaksana. Kesemua peserta adalah wakil yang terdiri daripada setiap Pejabat Zon, Bahagian dan Unit di Jabatan Warisan Negara. Kursus tersebut telah dibimbing selama dua hari dengan jayanya oleh penceramah jemputan iaitu YBrs. Prof. Madya Dr. Adi Yasran bin Abdul Aziz yang merupakan Timbalan Dekan (Akademik Pelajar) Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM).

Hasil kursus dari bimbingan penceramah jemputan yang juga merupakan Pembimbing Munshi Dewan (Jawi), Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) tersebut telah berjaya meningkatkan kemahiran dan teknik penguasaan Jawi dalam kalangan kakitangan Jabatan Warisan Negara. Malah, melalui kursus sebegini juga dapat menggalakkan pelbagai bangsa dan kaum untuk belajar dan memahami penggunaan tulisan Jawi untuk lebih memahami dan celik Jawi berikutan peranan dan fungsi Jabatan yang menjalankan aktiviti penguatkuasaan serta pemuliharaan dan pemeliharaan warisan kebudayaan negara.

Disemak oleh:



(EYO LENG YAN)

Pengarah

Bahagian Warisan Tidak Ketara



Dalam Talian Google Meet

Kursus Bimbingan Penulisan Jawi

Anjuran:
Bahagian Warisan Tidak Ketara,
Jabatan Warisan Negara

Tarikh : 13 & 14 Julai 2021
Waktu : 8.30 Pagi - 4.30 Petang

Penceramah :
Prof. Madya Dr. Adi Yarsan Bin Abdul Aziz

Terbuka kepada semua kakitangan JWN / Pelan Operasi Latihan JWN

